

Edisi Julai-September 2025

BATANERAH

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia



FSSK terajui
ICOSH
2025

Jumlah Pelajar
Latihan Industri
Luar Negara & Mobiliti
Tertinggi dalam Sejarah



Diterbitkan di Malaysia oleh
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (online)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
2025



ISI KANDUNGAN



4
FSSK UKM Terajui ICOSH 2025
 Terajui Perbincangan Global
 Mengenai AI dan Sains Sosial
 melalui ICOSH 2025



8
Pelajar Latihan Industri Luar Negara
 77 Pelajar Menjalani Latihan Industri
 Antarabangsa 2025



12
FAMES 2025
 Buka Tirai Pertarungan
 8 Pasukan Merebut Trofi



16
Pelajar Mobiliti
 FSSK Catat Rekod Tertinggi
 di UKM dalam Program Mobiliti
 Antarabangsa

20
Bengkel AIYOH
 Ai Literacy Empowerment Workshop
 Perkasa Literasi AI terhadap
 Sains Sosial dalam ICOSH 2025



22
FAMES 2025
 Dean Dragons Ultra
 Dinobatkan Juara Keseluruhan FAMES 2025



25
Bicara Tuntas Keusahawanan
 Pelajar FSSK Menang
 Bicara Tuntas Keusahawanan UKM

26
ICOSH 2025
 Tamat dengan Kejayaan
 Perkukuh Jaringan
 Akademik dan Industri



28
FSSK dan LZS
 Perkukuh Barisan Hadapan
 Khidmat Sosial melalui
 MoU Strategik

30
Lawatan Universiti


32
ALES 2025
 Perkongsian Diplomas dan
 Lulusan Kerjaya oleh Alumni FSSK
 TYT Dato' Khalid Abbasi



Fakulti
Sains Sosial
 & Kemanusiaan
Faculty of Social Sciences & Humanities, UKM

EDITOR

Dr. Hasrul Hashim
 Pn. Ezzatul Nadia
 En. Akmal Arfan
 En. Faris Aiman
 En. Akmal Hakim

ALAMAT

UNIT KOMUNIKASI DIGITAL (DCU)
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600, Bangi Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

HUBUNGI

 www.dfssk@ukm.edu.my

 +6 (03) 8921 5354
 (Pejabat Kedekanan)

+6 (03) 8921 4741
 (Sekreteriat Prasiswazah)

+6 (03) 8921 5144
 (Sekreteriat Siswazah)

Ikuti kami:

 facebook.com/ukmfssk
 instagram.com/fsskukm
 tiktok.com/fssukm
 x.com/officialfsskukm
 youtube.com/fssktv



asan Buatan dan Teknologi

n oleh

YAR BIN RAHIM

enteri

h:

osia
an

menties, URM

ALS

FSSK UKM TERAJUI

IGOSH 2025

FSSK UKM

Terajui Perbincangan Global Mengenai AI dan Sains Sosial melalui ICOSH 2025

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) sekali lagi mencipta sejarah apabila berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-9 (The 9th International Conference on Social Sciences and Humanities, ICOSH 2025) yang bertemakan “Hubungan Manusiawi: Sains Sosial dalam Era Kecerdasan Buatan dan Teknologi.”

Persidangan berprestij yang telah berusia lebih dua dekad ini memberi tumpuan kepada pelbagai bidang ilmu sains sosial dan kemanusiaan termasuk kerja sosial, psikologi, linguistik, kesusasteraan, komunikasi, budaya, politik, agama, kajian digital, ekonomi dan lain-lain.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang dalam ucapannya menzahirkan penghargaan kepada UKM dan Kementerian Pendidikan Tinggi kerana mempercepatkan penubuhan fakulti khusus bagi bidang Kecerdasan Buatan (AI). Beliau menegaskan,

“.... langkah ini penting bagi mempercepat pembangunan bakat dalam sektor AI, digital serta industri elektrik dan elektronik agar Malaysia terus berdaya saing di peringkat global”



Naib Canselor UKM, Prof. Dr. Sufian Jusoh, pula menekankan bahawa ICOSH 2025 merupakan medan unggul bagi pertukaran idea, inovasi dan kolaborasi rentas negara.

“Kita telah menyaksikan pertukaran ilmu, idea dan inovasi yang luar biasa sepanjang persidangan ini. Usaha semua pihak telah berjaya mewujudkan platform terbaik bagi menyatukan dunia akademik dan industri serta mendorong perbincangan bermakna yang akan mencorakkan hala tuju hubungan manusiawi dan kecerdasan buatan teknologi.

Pelbagai pembentangan kertas kerja, forum panel, bengkel dan syarahan utama telah dianjurkan, mencerminkan kepelbagaian pendekatan dan kepakaran antarabangsa dalam menghadapi cabaran era global,” katanya.

Beliau menambah bahawa melalui FSSK, UKM memperteguh usaha kolektif dalam memperdalam kefahaman, memperluas kerjasama dan memperkasakan tindak balas terhadap isu-isu sosial global yang semakin kompleks.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Mohamad Abd. Razak, Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof. Dr. Azlinda Azman serta Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub.



Tahniah Mahasiswa FSSK! 77 Pelajar Menjalani Latihan Industri Antarabangsa 2025

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terus melakar pencapaian membanggakan apabila mencatatkan jumlah tertinggi pelajar yang menjalani latihan industri antarabangsa dalam sejarah penubuhannya. Seramai 77 pelajar tahun 3 yang terdiri daripada pelbagai program akademik telah terpilih menyertai program latihan industri luar negara bagi sesi Julai hingga September 2025.

Pelajar Latihan Industri
Luar Negara **TERTINGGI**

Program Latihan Industri Luar Negara Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 2025

Senarai Program dan Universiti/Negara

Program Pengajian	Universiti/Negara	Jumlah
Komunikasi Media	 Universitas Hassanuddin Makassar, Indonesia	4
Komunikasi Media	 UIC College of Arts and Humanities & Consulate General of Malaysia in Davao City, Filiphina	2
Pengajian Bahasa Melayu	 Pondok Bantan, Thailand	10
Linguistik	 Universitas Andalas Padang, Indonesia	10
Sains Politik	 Universitas Padjadjaran Bandung, Indonesia	10
Antropologi & Sosiologi	 Universitas Padjadjaran Bandung, Indonesia	5
Persuratan Melayu	 Universitas Sumatera Utara Medan, Indonesia	10
Kerja Sosial	 Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia	6
Sejarah	 Universitas Negeri Padang, Indonesia	8
Psikologi	 Universitas Negeri Padang, Indonesia	10
Psikologi	 UIC College of Arts and Humanities & Consulate General of Malaysia in Davao City, Filiphina	2



Program ini melibatkan penempatan di institusi dan organisasi terpilih di tiga buah negara serantau iaitu Indonesia, Thailand dan Filipina. Pelajar-pelajar yang terlibat mewakili pelbagai bidang ilmu seperti Komunikasi Media, Persuratan Melayu, Pengajian Bahasa Melayu, Psikologi, Sains Politik, Antropologi dan Sosiologi, Linguistik, Sejarah dan Kerja Sosial.

Inisiatif ini bukan sahaja memberi peluang kepada para pelajar untuk menerapkan ilmu yang dipelajari dalam konteks antarabangsa, malah menjadi medan terbaik untuk memperkukuh jaringan akademik dan industri di peringkat global.

Semoga pengalaman latihan industri ini menjadi pemangkin kepada pencapaian akademik, peningkatan profesionalisme dan membentuk mahasiswa yang berdaya saing serta mampu mengharumkan nama FSSK dan UKM di persada antarabangsa. Selamat maju jaya diucapkan kepada semua pelajar yang terlibat.





FAMES 2025

Buka Tirai Pertarungan 8 Pasukan Merebut Trofi



Kejohanan Faculty Games 2025 (FAMES2025) anjuran Pejabat Kedekanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia telah membuka tirainya dengan penuh semangat pada 5 Ogos 2025 dalam satu majlis perasmian yang disempurnakan oleh Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub.

Bertemakan "The Battle of Legends", FAMES2025 diteruskan sebagai acara tahunan fakulti yang menggabungkan ahli akademik, pentadbiran dan kakitangan pelaksana dalam suasana penuh kesukanan, kekeluargaan dan perpaduan. Tahun ini, FAMES memperlihatkan format baharu dengan penyertaan lapan pasukan yang mewakili pusat-pusat kajian serta Pejabat Kedekanan sendiri.

Antara yang mencuri tumpuan adalah pembentukan dua pasukan baharu daripada Pejabat Kedekanan iaitu Dean Dragon Prime dan Dean Dragon Ultra hasil pecahan daripada pasukan asal Dean Dragon yang pernah menjulang kejuaraan FAMES2024. Enam lagi pasukan lain ialah Sphea Scorpions (SPHEA), PKBL Lions (PKBL), Mention Eagles (MENTION), Psitra Raptors (PsiTRA), Seeds Shark (SEEDS) dan Bitara Bee (BITARA MELAYU).



Dalam ucapan perasmiannya, Prof. Dr. Kadaruddin menyeru agar FAMES tidak hanya menjadi medan persaingan tetapi juga wadah untuk terus memupuk hubungan silaturahim antara seluruh warga FSSK. Beliau turut menzahirkan harapan agar nilai kerjasama dan semangat kekitaan yang terbina dalam kejohanan ini dapat diteruskan di luar gelanggang.

Acara perasmian diserikan dengan aktiviti brisk walk sejauh 2.5 kilometer yang disertai oleh warga fakulti sebagai simbol permulaan kepada pertandingan rasmi. Ia diikuti dengan acara sulung FAMES2025 iaitu pertandingan penalty kick yang membuka tirai pertandingan antara pasukan.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia terus mengukuhkan visibiliti globalnya apabila seramai 62 orang pelajar berjaya terpilih menyertai pelbagai program mobiliti antarabangsa ke 9 buah negara sekaligus, menjadikan FSSK sebagai fakulti yang mencatatkan penyertaan mobiliti antarabangsa tertinggi di UKM bagi tahun ini.

Kejayaan ini turut disokong dengan jumlah peruntukan keseluruhan berjumlah RM193,694 yang merangkumi RM98,850 diluluskan oleh UKM Global dan RM94,844 daripada FSSK sendiri. Peruntukan ini mencerminkan komitmen fakulti dalam menyokong agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan memperluas pengalaman pelajar di peringkat antarabangsa.

Para pelajar akan menjalani program seperti pertukaran pelajar, latihan industri antarabangsa dan penyertaan program musim panas di institusi ternama melibatkan negara Jepun, Korea Selatan, Thailand, Indonesia, Laos, Brunei, Filipina, Perancis dan Amerika Syarikat. Penyertaan ini melibatkan pelajar daripada 10 program pengajian di bawah FSSK seperti Sains Politik, Psikologi, Media dan Komunikasi, Pengajian Bahasa Melayu, Antropologi dan Sosiologi, Kerja Sosial, Sejarah, Geografi dan Persuratan Melayu serta Strategi dan Keselamatan (PhD).

FSSK Catat Rekod Tertinggi di UKM dalam Program Mobiliti Antarabangsa



Berikut senarai pelajar yang menjalani program mobiliti antarabangsa:

Nama	Program Pengajian	Negara
Muhammad Wafi Bin Razali	Sains Politik	 Brunei
Muhammad Zulhafizi Bin Zamsuri	Pengajian Bahasa Melayu	 Brunei
Nur Afiqah Syamimie Binti Abdullah	Pengajian Bahasa Melayu	 Laos
Loi Yong Xiang	Psikologi	 Filipina
Imanina Afnie Binti Mohd Khidzir	Pengajian Bahasa Inggeris	 Jepun
Wan Alya Nabilah Binti Wan Hasnibi	Media dan Komunikasi	 Jepun
Noor 'adlina Hadfina Binti Mohamad Hatta	Pengajian Bahasa Melayu	 Korea Selatan
Nor Laili Fatihah Binti Abdullah Sani	Antropologi dan Sosiologi	 Korea Selatan
Nur Balqis Binti Mohd Amirruddin	Antropologi dan Sosiologi	 Korea Selatan
Muhammad Aiman Bin Roszaimi	PhD, Strategi dan Keselamatan	 Amerika Syarikat
Nooryati Binti Tiksing	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Nur Khaleeda Binti Mat Sani	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Nurul Zafira Binti Zulkeflee	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Nur Fasihah Binti Abdullah	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Nur Athirah Binti Adnan	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Fatin Suhailah Binti Mikfar	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Siti Nurindah Binti Hassan	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Muhammad Amirul Ikhwan Bin Assmad	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Nurlaila Syazwani Binti Azman	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Muhammad Noorul Arsyad Bin Noorul Ameen	Pengajian Bahasa Melayu	 Thailand
Nur Aliyah Binti Mohamad Zaizi	Kerja Sosial	 Indonesia
Batrisyia Nur Hidayah Binti Hishamuddin	Kerja Sosial	 Indonesia
Nureen Zuhayra Husna Binti Zulkarnain	Kerja Sosial	 Indonesia
Nurul Huda Nabila Binti Adnan	Kerja Sosial	 Indonesia
Muhammad Khairulanwar Bin Johari	Kerja Sosial	 Indonesia

Berikut senarai pelajar yang menjalani program mobiliti antarabangsa:

Nama	Program Pengajian	Negara
Nurul Adrin Batrisyia Binti Mohd Rizal	Persuratan Melayu	 Indonesia
Nor Arini Binti Mohd Asri	Persuratan Melayu	 Indonesia
Mohammad Shafiq Bin Minggu	Persuratan Melayu	 Indonesia
Siti Nur Hafizah Binti Zaini	Persuratan Melayu	 Indonesia
Emannual Keane Anak Anthony	Persuratan Melayu	 Indonesia
Nur Najlaa Athirah Bitni Abdul Salam	Persuratan Melayu	 Indonesia
Muhammad Nor Rizal Bin Udin	Persuratan Melayu	 Indonesia
Abdurajah Bin Abdul Haver	Persuratan Melayu	 Indonesia
Noor Alyaa Adrianna Binti Mohd Rusdi	Persuratan Melayu	 Indonesia
Iman Balqish Binti Ahmad Faizal	Persuratan Melayu	 Indonesia
Muhammad Luqman Ariff Bin Kamaruzaman	Psikologi	 Indonesia
Muhammad Aiman Zarif Bin Faizol	Psikologi	 Indonesia
Meisarah Binti Mokhtaram	Psikologi	 Indonesia
Herney Binti Mustakim	Psikologi	 Indonesia
Izzatul Nurin Hannah Binti Hairy Shah	Psikologi	 Indonesia
Zulaikha Binti Mohd Fouzi	Psikologi	 Indonesia
Aleany Binti Azlan Kamal Nazyunniyah	Psikologi	 Indonesia
Eviana Zetty Binti Azillah	Psikologi	 Indonesia
Nur Izzati Binti Omar	Psikologi	 Indonesia
Nur Azreen Binti Mohd Amran	Psikologi	 Indonesia
Muhamad Amirul Amin Bin Mohd Aminnudin	Sains Politik	 Indonesia
Kausalyah A/P Jeganathan	Sains Politik	 Indonesia
Lim Kee Zun	Sains Politik	 Indonesia
Muhammad Khairuzzakwan Bin Kashmir	Sains Politik	 Indonesia
Nor Mas Shazuwanie Binti Md Hashim	Sains Politik	 Indonesia



Nama	Program Pengajian	Negara
Nuraisyah Binti Saf Peri	Sains Politik	 Indonesia
Hazman Bin Abd Kadir	Antropologi dan Sosiologi	 Indonesia
Nik Shah Nazran Bin Syahril	Antropologi dan Sosiologi	 Indonesia
Aspiah Binti Asmadi	Antropologi dan Sosiologi	 Indonesia
Noor Aisyah Liyana Binti Mohd Hasrulnizam	Antropologi dan Sosiologi	 Indonesia
Nisya Erin Natasya Binti Suhaizan	Antropologi dan Sosiologi	 Indonesia
Muhammad Khairin Hizam Bin Misizamzu	Geografi	 Jepun
Muhammad Haikal Bin Honan	Sejarah	 Perancis
Chen Yeong Sheng	Psikologi	 Filipina
Wan Aisyah Aqilah Binti Wan Muhamad Fauzan	Psikologi	 Filipina
Felisha Aliyah Binti Foad	Komunikasi Media	 Filipina
Mohd Thariq Akhyar Bin Sulaiman Sateh	Komunikasi Media	 Filipina

Bengkel

AiYOH

Ai Literacy Empowerment Workshop



Prof. Madya Dr. Sabariah Mohamed Salleh



Prof. Madya Dr. Abdul Latiff Ahmad



Dr. Hasrul Hashim



Dr. Nurzihan Hassim

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui kumpulan penyelidikan The Media Initiative (TMI), Pusat Kajian Media dan Komunikasi telah menganjurkan bengkel AI Literacy Empowerment (AiYOH) sebagai acara pembukaan Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (ICOSH 2025).

Bengkel yang dipimpin oleh Prof. Madya Dr. Sabariah Mohamed Salleh bersama pasukan akademik Prof. Madya Dr. Abdul Latiff Ahmad, Dr. Hasrul Hashim dan Dr. Nurzihan Hassim itu menekankan kepentingan kecerdasan buatan (AI) dalam memperkukuh bidang sains sosial.

Seramai lebih 20 peserta telah didedahkan kepada pelbagai aplikasi dan alat AI yang berpotensi menyokong proses pengajaran, mempercepat penyelidikan serta memperluas bentuk analisis dalam bidang kemanusiaan. Perbincangan turut menekankan aspek penggunaan teknologi secara beretika agar AI dapat dimanfaatkan bagi memahami masyarakat dengan lebih mendalam.

Bengkel ini mencerminkan kesungguhan FSSK untuk memastikan bidang sains sosial bergerak seiring dengan perkembangan teknologi digital dan cabaran era kecerdasan buatan. AiYOH sekali gus memberi mesej jelas bahawa literasi AI kini menjadi keperluan asas bagi warga akademik dan penyelidik sosial dalam mendepani gelombang maklumat dan perubahan global.

Perkasa Literasi AI terhadap Sains Sosial dalam ICOSH 2025





Dean Dragon Ultra Dinobatkan Juara Keseluruhan FAMES 2025

Faculty Games 2025 (FAMES2025) menutup tirainya dengan penuh gemilang apabila pasukan Dean Dragon Ultra dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan selepas mengungguli saingan dengan kutipan 5 pingat emas, 2 perak dan 3 gangsa.

Acara penutup yang berlangsung di perkarangan Dewan Perdana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menyaksikan perlawanan akhir pingpong kategori lelaki perseorangan, wanita perseorangan dan beregu lelaki sebagai acara kemuncak sebelum majlis penyampaian pingat kepada para atlet.

Sebanyak sembilan acara sukan dengan 21 kategori telah dipertandingkan sepanjang FAMES2025 yang menampilkan lapan pasukan bertanding termasuk dua pasukan baharu pejabat kedekanan iaitu Dean Dragon Prime dan Dean Dragon Ultra. Kejohanan sukan tahunan ini bukan sahaja menjadi medan mengasah bakat dan semangat kompetitif warga fakulti tetapi juga berfungsi sebagai wadah memperkukuh hubungan silaturahim dan kerjasama antara warga FSSK.

Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub yang turut menyampaikan Piala Juara Keseluruhan FAMES2025 kepada pasukan Dean Dragon Ultra. Dalam ucapannya, beliau menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga fakulti atas kejayaan menayakan kejohanan tersebut.


“FAMES2025 bukan sekadar tentang kemenangan, tetapi tentang ukhuwah, kasih sayang, persahabatan dan kerjasama yang terjalin sepanjang berlangsungnya kejohanan ini. Saya gembira melihat semangat kompetitif yang sihat, di mana warga fakulti saling mengenali dan mengeratkan hubungan. Inilah pencapaian sebenar yang kita raikan bersama.” katanya.

Kejayaan penganjuran FAMES2025 sekali lagi mencerminkan komitmen FSSK dalam membudayakan gaya hidup sihat, memperkasa semangat kesukanan dan memupuk perpaduan dalam kalanganarganya.

FAMES2025		2nd FACULTY GAMES			
		5 - 28 August 2025			
RANKING	TEAM	Gold Silver Bronze			TOTAL
1.	Dragons Ultra	5	2	3	10
2.	SEEDS Sharks	4	5	0	9
3.	PSITRA Raptors	2	3	3	8
4.	Dragons Prime	2	2	6	10
5.	BITARA Bees	2	1	1	4
6.	SPHEA Scorpions	2	0	1	3
7.	PKBL Lions	1	4	4	9
8.	Mention Eagles	1	2	1	4



Dr. Nur Hafizah
Yusoff



Pickleball Beregu Campuran
Bowling Campuran
Badminton Berkumpulan

FAMES2025
MOST VALUABLE PLAYER
3 Pingat Emas

Pelajar FSSK

Menang Bicara Tuntas Keusahawanan UKM

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan telah memenangi hadiah Fakulti Terbaik Bicara Tuntas Keusahawanan di peringkat Universiti bersempena dengan Karnival Keusahawanan UKM 2025!

Tahniah kepada pelajar-pelajar cemerlang dari Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION) yang telah mewakili FSSK bagi pertandingan tersebut:

Nama
Muhammad Zaireel Shamzy Izham Bin Mohd Zairitar
Nurul Farzulaikha Binti Zulkifli Amin
Alisha Soraya Binti Anuar
Rhea Mirza Binti Mohd Kamarulzaman
Nur Aini Syafiqah Binti Shamsul Adzuri
Nur Sari Fatimah Binti Kamaruzaman
Ahmad Iskandar Zulkarnain Bin Abdul Hakim



Kumpulan pelajar ini merupakan Juara bagi Pertandingan Bicara Tuntas Peringkat Fakulti dengan inovasi produk “Betterwayz” yang berasaskan kecerdasan buatan dan teknologi GPS. Ini merupakan sebahagian daripada penilaian kursus LMCW1022 Asas Keusahawanan dan Inovasi semester 2 2024/2025.

Mereka juga telah memenangi booth terbaik dalam acara *Uptown FSSK Entrepreneurial Day* (UFED) 2025 dengan menawarkan perkhidmatan photobooth yang menyasarkan Gen Z serta telah juga terpilih sebagai pemenang Video Pemasaran Digital Terbaik bagi UFED 2025.

Penghargaan istimewa kepada pensyarah pembimbing, Dr. Nurzihan Hassim dan Prof. Madya Dr. Wan Amizah Wan Mahmood atas usaha bimbingan dan sokongan yang berterusan.

Semoga kejayaan ini menjadi pemula kepada lebih banyak peluang cemerlang pada masa hadapan



ICOSH2025

Tamat dengan Kejayaan Perkukuh Jaringan Akademik dan Industri

Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (ICOSH 2025) anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia secara rasminya telah melabuhkan tirainya hari ini.

Sepanjang persidangan, pelbagai pembentangan kertas kerja, forum, bengkel dan syarahan utama telah berlangsung, mencerminkan kepelbagaian pendekatan serta kepakaran antarabangsa dalam menangani cabaran era global.

ICOSH 2025 menjadi medan intelektual penting untuk meneroka interaksi antara keinsanan dan kecerdasan buatan, terutamanya dalam konteks perubahan teknologi dan kesannya terhadap masyarakat sejagat.



FSSK berharap agar jaringan kerjasama rentas sektor yang dibina antara universiti, agensi kerajaan dan pihak industri akan terus diperkukuh, sekali gus menyumbang kepada penghasilan dasar yang lebih responsif, inklusif dan berteraskan kesejahteraan rakyat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua tetamu, pembentang, agensi serta rakan strategik yang telah bersama-sama menjayakan ICOSH 2025. Sehingga berjumpa lagi di ICOSH yang akan datang!





Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terus memperkukuh jaringan strategik dengan agensi luar melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi meneruskan pelaksanaan Program Sijil Profesional Khidmat Sosial (SPKS).

Melalui MoU ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam pembangunan kompetensi sumber manusia melalui program latihan dan sijil profesional khusus dalam bidang kerja sosial. Kerjasama ini turut membuka ruang bagi pelaksanaan inisiatif strategik lain yang akan dipersetujui secara bersama.

Program SPKS diwujudkan bagi memperkukuh kemahiran para amil di barisan hadapan LZS dengan penekanan kepada kompetensi pengurusan kerja sosial. Modul latihan ini dirangka bagi melengkapkan kakitangan LZS yang sentiasa berinteraksi secara langsung dengan masyarakat, komuniti dan golongan asnaf, selaras dengan misi organisasi dalam memperkasa kesejahteraan ummah.

Menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Ts. Dr. Faizal Mohamed dalam ucapannya berkata, pemeteraian MoU ini memperkukuh peranan universiti dalam pembangunan masyarakat, di samping mencerminkan kepakaran dan kesiapsiagaan UKM untuk menyumbang kepada keperluan semasa negara.

"Kerjasama ini diyakini mampu melahirkan barisan kakitangan LZS yang kompeten, berintegriti dan sentiasa bersedia mendepani cabaran sosial semasa dengan penuh keprihatinan dan professional" ujar beliau.



FSSK – LZS

Perkukuh Barisan Hadapan Khidmat Sosial melalui MoU Strategik



Dokumen MoU telah ditandatangani oleh Prof. Ts. Dr. Faizal Mohamed mewakili UKM dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Tuan Mohd Kaidzir Shahari. Majlis turut dihadiri Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub yang menzahirkan sokongan terhadap usaha memperluas impak akademik kepada komuniti.

Melalui kerjasama ini, seramai 17 kakitangan LZS akan mengikuti Program SPKS Kohort 2 yang dijadualkan bermula bulan ini. Tahun lepas, seramai 24 orang warga kerja LZS telah berjaya menamatkan pengajian dalam Program SPKS Kohort 1 yang bermula pada bulan Oktober 2024 sehingga bulan April 2025.



Lawatan Universiti

Julai - September

Lawatan Penanda Aras Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menerima lawatan penanda aras daripada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang bertujuan untuk membincangkan aspek pengurusan program akademik prasiswazah dan pascasiswazah.



Lawatan daripada Politeknik Negeri Bengkalis, Riau, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sesi lawatan delegasi Politeknik Negeri Bengkalis, Riau, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diadakan bagi membincangkan hal-hal berkaitan akademik di FSSK termasuk aspek yuran pengajian dan lain-lain perkara yang relevan. Lawatan ini turut disertai sesi perkongsian bagi memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai FSSK UKM.



Lawatan daripada School of Global Studies And Collaboration, Aoyama Gakuin University, Jepun ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sesi lawatan daripada School of Global Studies and Collaboration, Aoyama Gakuin University, Jepun ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia telah diadakan pada 14 Ogos 2025. Lawatan ini bertujuan membincangkan program pertukaran pelajar serta meneroka peluang kerjasama dua hala bersama Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA).

Perkongsian Diplomasi dan Laluan Kerjaya oleh Alumni FSSK TYT Dato' Khalid Abbasi dalam ALES 2025



Dalam syarahan bertajuk “Insights from Malaysia's Ambassador to Belgium, Luxembourg and the European Union”, TYT Dato' Khalid berkongsi lebih dua dekad pengalaman dalam bidang diplomasi dan perkhidmatan awam. Beliau membentangkan analisis mendalam tentang hubungan dua hala dan pelbagai hala Malaysia dengan Kesatuan Eropah serta strategi Malaysia dalam menghadapi cabaran geopolitik semasa, perubahan iklim, serta persaingan kuasa besar dunia.

Alumni FSSK tersohor ini turut membincangkan dan memberikan pandangan berkenaan landskap diplomasi masa kini yang tidak lagi terhad kepada hubungan politik semata-mata, malah menuntut ketangkasan dalam menangani isu-isu global seperti persaingan kuasa besar, kestabilan ekonomi dan hubungan pelbagai hala. Sebagai tokoh yang berpengalaman luas dalam arena diplomatik, beliau turut berkongsi panduan laluan kerjaya serta nasihat berguna kepada generasi muda yang berminat untuk menceburi bidang ini. Sesi syarahan yang disampaikan bukan sahaja bersifat informatif, bahkan turut membuka perspektif dan kesedaran baharu tentang realiti dunia antarabangsa hari ini. Perkongsian beliau turut menyentuh proses pelantikan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), keperluan latihan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) serta kemahiran komunikasi dan pemahaman silang budaya yang perlu dikuasai oleh bakal diplomat.

Majlis turut dihadiri oleh tokoh diplomatik antarabangsa, termasuk TYT Peter Van Acker (Duta Belgium), TYT Dr. Ivan Velimir Starcevic (Duta Republik Croatia), TYT Juraj Kouldelka (Duta Republik Czech), serta Cik Fatma AlZahraa Hassan Abdelkawy, Timbalan Ketua Misi Kedutaan Besar Republik Arab Mesir di Malaysia. Turut hadir memberikan sokongan institusi ialah Prof. Ts. Dr. Faizal Mohamed, yang menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal, yang menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) serta Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub.



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Siri Syarahan Duta FSSK (Ambassador Lecture Series – ALES) buat julung kalinya bertempat di Dewan Perdana FSSK. Program ini menampilkan Tuan Yang Terutama Dato' Mohd Khalid Abbasi Abdul Razak, Duta Besar Malaysia ke Belgium, Luxembourg dan Kesatuan Eropah sebagai penceramah jemputan utama.